

21 OCT 1997

PRESIDEN RAMOS SOKONG CADANGAN MALAYSIA TANGANI KRISIS MATA WANG

MANILA, 21 Okt (Bernama) -- Presiden Fidel Ramos hari ini memberi sokongannya kepada cadangan Malaysia untuk menangani krisis mata wang semasa Sidang Puncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur Disember ini.

Beliau memberikan komitmen itu semasa menerima kunjungan perpisahan setiausaha agung Asean, Datuk Ajit Singh, seorang diplomat Malaysia, di Istana Malacanang.

Ajit Singh akan diganti oleh setiausaha bahagian di kementerian luar Filipina, Rodolfo Severino.

Ramos bersetuju dengan Ajit Singh bahawa masalah mata wang yang menghantui ekonomi-ekonomi Asean patut menjadi perkara utama dalam agenda sidang puncak tidak rasmi itu.

"Saya dapat melihat lebih awal bahawa kita akan mengadakan rundingan yang serius mengenai masalah mata wang," Ramos memberitahu Ajit Singh.

Ramos juga berkata bahawa beliau menyokong cadangan untuk menubuhkan satu dana bersama Asean bagi membolehkan negara-negara anggota menagkis serangan spekulatif ke atas mata wang mereka.

Dana itu juga boleh digunakan untuk membantu membiayai keperluan projek-projek prasarana besar ekonomi-ekonomi Asean yang kurang maju, katanya.

Ramos baru saja pulang daripada lawatan ke Myanmar dan Laos untuk memupuk hubungan dua hala yang lebih rapat dan mempercepatkan penyatuan mereka ke dalam aliran utama Asean.

Dengan adanya sambutan balas yang positif daripada presiden Filipina itu, Ajit Singh berkata beliau akan menyampaikannya melalui satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ajit Singh berkata dana Asean itu akan melengkapinya daya usaha sektor swasta untuk mengadakan satu dana bagi membiayai projek-projek prasarana di Myanmar, Laos dan Kemboja.

Ramos percaya bahawa ahli-ahli perniagaan Asean mempunyai keupayaan untuk membantu pada masa "kesukaran sementara ini."

"Kita boleh mengadakan sebuah dana untuk bertindak sebagai satu jaminan bagi membantu negara-negara anggota Asean," tambahnya. Ramos dan Ajit Singh juga bertukar-tukar fikiran mengenai perlunya dihapuskan amalan-amalan "persaingan yang merosakkan" di kalangan negara-negara Asean. -- BERNAMA

ALJ SIA